



23 Jun 2015
23 June 2015
P.U. (B) 258

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN TANAH
(Sabah Bab 68)

[Subseksyen 28(3)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. P.U. (B) 403 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* pada 16 September 1993, Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah di Wilayah Persekutuan Labuan, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan oleh seksyen 28 Ordinan Tanah [*Sabah Bab 68*], sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984 [*P.U. (A) 291/1984*], telah merizabkan tanah iaitu dalam daerah Wilayah Persekutuan Labuan seluas 0.809 ha. (2 ekar) dan ditandakan di atas Pelan No. 20124990 bagi maksud awam, iaitu suatu tapak bagi “Beacon Light House dan Trigulasi” dan telah menetapkan bahawa Pengarah Jabatan Laut Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah di Wilayah Persekutuan Labuan supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah Wilayah Persekutuan Labuan di Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan Labuan, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan subseksyen 28(3) Ordinan Tanah, sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984 dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan*

sebagai P.U. (B) 325/2005 pada 3 November 2005 dan P.U. (B) 331/2005 pada 10 November 2005:

DAN BAHAWASANYA, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah di Wilayah Persekutuan Labuan, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 28(3) Ordinan Tanah, sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual:

JADUAL

<i>Daerah</i> – Wilayah Persekutuan Labuan	<i>Tempat</i> – Pulau Papan
<i>No. Pelan</i> – 20124990	<i>Luas</i> – 0.809 ha. (2 ekar).

Bertarikh 20 Mei 2015
[PTG/WP(S).100-2/17/2; JTL 1/2- PT 280; PN(PU2)213/LXXII]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Perdana Menteri Malaysia

LAND ORDINANCE
(Sabah Cap. 68)

[Subsection 28(3)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by Notification No. P.U. (B) 403 published in the *Gazette* of the Federation on 16 September 1993, the Minister responsible for matters relating to land in the Federal Territory of Labuan, in exercise of the powers conferred upon the Federal Government by section 28 of the Land Ordinance [*Sabah Cap. 68*], as modified by the Federal Territory of Labuan (Modification of Land Ordinance) Order 1984 [*P.U. (A) 291/1984*], has reserved the land in the district of Federal Territory of Labuan having an area of 0.809 ha. (2 acres) and delineated upon Plan No. 20124990 for a public purpose, to wit a site for “Beacon Light House and Triangulation” and has designated that the Director of Federal Marine Department shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Minister responsible for matters relating to land in the Federal Territory of Labuan that the whole of the aforesaid reservation be revoked:

AND WHEREAS, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the Assistant Collector of Land Revenue for the Federal Territory of Labuan at the Federal Territory of Labuan Land Office, to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with provisions of subsection 28(3) of the Land Ordinance, as modified by the Federal Territory of Labuan (Modification of Land Ordinance) Order 1984 and was also published in the *Gazette* of the Government of the Federation as P.U. (B) 325/2005 on 3 November 2005 and P.U. (B) 331/2005 on 10 November 2005:

AND WHEREAS, no objection to the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule was received:

NOW THEREFORE, the Minister responsible for matters relating to land in the Federal Territory of Labuan, in exercise of the powers under subsection 28(3) of the Land Ordinance [*Sabah Cap. 68*], as modified by the Federal Territory of Labuan (Modification of Land Ordinance) Order 1984 [*P.U. (A) 291/1984*], revokes the reservation of the land described in the Schedule:

SCHEDULE

<i>District</i> – Federal Territory of Labuan	<i>Place</i> – Pulau Papan
<i>Plan No.</i> – 20124990	<i>Area</i> – 0.809 ha. (2 acres).

Dated 20 May 2015
[PTG/WP(S).100-2/17/2; JTL 1/2- PT 280; PN(PU2)213/LXXII]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Prime Minister of Malaysia